

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 14.3.2016

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan Pusat mempunyai sebarang niat untuk memberikan hak autonomi dalam bidang pendidikan kepada negeri Sarawak. Adakah sekolah-sekolah yang beraliran Bahasa Inggeris ditubuhkan lagi di negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Akta 550 merupakan dokumen perundangan yang menjadi rujukan berhubung apa-apa perkara yang berkait dengan pendidikan di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta 550 ini juga telah mengkanunkan segala hasrat dan aspirasi negara yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Subseksyen 17 (1) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] menetapkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini. Subseksyen 17 (2) menetapkan bahawa jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama sama ada di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan termasuklah di sekolah mubaligh (*mission*) serta sekolah swasta adalah bercanggah dengan peruntukan Akta 550 tersebut.